

09 AUG 1997

Lim-Gerakan

ISU ANTI RASUAH AGENDA UTAMA PERHIMPUNAN AGUNG GERAKAN

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Gerakan akan menumpukan usahanya untuk memerangi rasuah dan politik wang dalam parti semasa perhimpunan agung parti pada Sabtu depan, kata Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

"Persoalannya sekarang ialah bukan bagaimana memerangi rasuah tetapi bagaimana membanterasnya sama sekali dan kita akan menekankan perkara itu kepada anggota-anggota parti termasuk Pemuda Gerakan," kata beliau dalam persidangan berita selepas mesyuarat Jawatankuasa Pusat parti itu di sini.

Beliau berkata, tindakan kerajaan terhadap rasuah telah mencapai kata sepakat daripada semua parti politik dan semua nampak menyokongnya.

"Gerakan menyokong usaha yang diambil oleh kerajaan untuk memerangi gejala rasuah dan menyeru semua penduduk Malaysia untuk bersatu dalam menghadapi cabaran dari isu-isu rasuah hinggalah ke spekulasi matawang negara," kata beliau.

Menurut Lim, lebih kurang 1,100 anggota perwakilan Gerakan dari seluruh negara akan menghadiri perhimpunan agung itu yang akan dibuka dengan rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Juga 28 wakil daripada parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) akan hadir.

Lim berkata, semasa pertemuan itu semua anggota parti akan diminta bersedia bagi pemilihan akan datang dan semua calon yang berpotensi diminta berusaha lebih gigih lagi.

"Kita meminta peranan yang lebih besar bagi pergerakan wanita dan pemuda dalam parti dan juga sesi percambahan otak untuk memperbaiki lagi pertubuhan kita dan perkhidmatannya serta jentera politik dan pilihan raya," kata Lim.

Beliau berkata, mereka juga akan menumpukan pada usaha meningkatkan kemahiran pekerja dalam kilang-kilang untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing di pasaran antarabangsa. -- BERNAMA

WNZ PR